

Hak istimewa Melayu:

PM KECAM AGEN2 PAS

(P) (W) 8 OCT 1985

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengecam PAS dan disifatkannya sebagai "bandakan kotor" kerana memutarbelitkan ucapannya mengenai hak istimewa orang Melayu yang diedarkan oleh cegen-egan PAS kepada para perwakilan UMNO, mengatakan kononnya Perdana Menteri sendirilah yang hendak menghapuskan hak istimewa orang Melayu.

Datuk Seri Dr. Mahathir mendedahkan ini di hadapan 1,434 perwakilan UMNO dengan menunjukkan satu risalah yang berupa petikan ucapan di Dewan Rakyat siap dengan logo UMNO sekali yang telah diputarbelitkan oleh PAS.

"Ucapan itu lengkap dengan logo UMNO dan dinamakan 'Ucapan Dasar Presiden. Siapa mahu hapus hak istimewa orang Melayu'", tanya Perdana Menteri dengan nada tinggi.

"Oleh kerana saya tahu ia datang daripada mereka yang ingin menimbulkan bermacam-macam kekacauan di kalangan kita, saya telah meminta catatan rasmi Dewan Rakyat berkena-

Oleh: **NAZRI HASHIM**

an dengan ucapan yang saya buat," jelasnya.

Menurut Presiden UMNO itu, ucapannya di Dewan Rakyat itu lebih panjang, iaitu tiga muka dan lima colum, tetapi risalah yang diedarkan itu cuma dua colum dan mengeneipikan segala penjelasan yang dibuat. "Sebaliknya dibuat petikan-petikan yang mengatakan saya menentang hak istimewa orang Melayu".

Dengan nada suara yang tinggi, Perdana Menteri berkata, "saya tidak hairan kenyataan saya diputar belit oleh sebuah parti Islam yang juga sanggup memutarbelitkan al-Quran dan hadis".

"Saya percaya mereka tidak takut kepada saya, mereka juga tidak takut kepada Allah kerana itu mereka sanggup mengubah al-Quran dengan hadis".

Para perwakilan UMNO juga agak terperanjat bila Datuk Seri Dr. Mahathir berkata dengan nyaring, "kita

tidak sedar, di Majlis Perhimpunan Agung UMNO itu juga ada jualan kaset-kaset Haji Hadi".

Bagaimanapun Watan difahamkan pihak Urusetia UMNO telah beringin cepat menghalang kaset-kaset itu dijual di gerai-gerai di Aras 2 Kompleks UMNO itu.

Mengulas mengenai isu hak istimewa orang Melayu, Perdana Menteri berkata hak istimewa itu akan terus dipertahankan sehingga mereka dapat menguasai segala keadaan sama ada dalam bidang politik, ekonomi, pentadbiran dan sosial.

Peruntukan perlembagaan yang melindungi hak istimewa orang Melayu tetap kita mempertahankannya," jelasnya.

Perdana Menteri menyatakan kesalnya terhadap taktik politik PAS yang memutarbelitkan ucapannya bagi memporak-perandakan masyarakat negara ini. "Inilah jenis manusia yang terpaksa kita hadapi dalam negara ini, malangnya mereka terdiri dari orang yang sebangsa dan scagama dengan kita," ujarnya.